

UNSUR KETUHANAN DALAM LIRIK LAGU MELAYU: SATU ANALISIS TAKMILAH

(An Elements of Spiritual in Melayu Song Lyrics: An Analysis of Takmilah)

Faizah Hasan¹

faizahhasan5146@gmail.com

Azhar Mohammad²

azhar.my@umk.edu.my

Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.^{1 & 2}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Faizah Hasan & Azhar Mohammad. (2024). Unsur ketuhanan dalam lirik lagu Melayu: Satu analisis takmilah. *Malay Literature*, 37(1), 79–112. [https://doi.org/10.37052/ml37\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/ml37(1)no4)

Received: Peroleh:	28/12/2023	Revised: Semakan	4/2/2024	Accepted: Terima:	6/3/2024	Published online: Terbit dalam talian:	20/6/2024
-----------------------	------------	---------------------	----------	----------------------	----------	---	-----------

Abstrak

Seni penulisan lirik lagu merupakan satu anugerah istimewa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada individu tertentu melalui bakat dan kebolehan yang mengagumkan. Dalam hal ini, cetusan idea dan ilham ini telah digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan karya-karya yang berprestij. Unsur ketuhanan dalam lirik lagu selain daripada genre nasyid merupakan komposisi penting untuk dibincangkan. Hal ini adalah kerana kebanyakan lirik lagu berunsur ketuhanan didominasi oleh lagu nasyid. Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti 12 lirik lagu hasil karya penulis lirik tempatan dan Indonesia dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kajian ini mengkaji unsur ketuhanan yang terdapat dalam lirik lagu selain daripada genre nasyid dengan mengemukakan tujuh prinsip teori takmilah, iaitu ketuhanan di bawah konsep hubungan manusia dengan Allah, sementara kerasulan,

keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak adalah di bawah konsep hubungan manusia dengan manusia. Hasil kajian mendapati bahawa ketujuh-tujuh prinsip teori takmilah menepati kriteria 12 lirik lagu yang dikaji dan wujud hubungan yang signifikan antara 12 buah lirik lagu tersebut dengan ketujuh-tujuh prinsip teori takmilah, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat “Kamal” (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan “Kamil” (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat “Akmal” (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat “Takmilah” (menyempurnakan), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat “Takmilah” (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan “Kamil” (sempurna).

Kata kunci: Unsur ketuhanan, lirik lagu Melayu, teori takmilah, tujuh prinsip, estetika, analisis

Abstract

The art of writing lyrics of a song is a special gift from Allah SWT granted to certain individuals through amazing talents and abilities. In this case, the ideas and inspiration drawn has been completely manipulated to produce works that are prestigious. The element of divinity in the lyrics of pop and rock songs is an important composition to discuss as most lyrics with divine elements are dominated by nasyid songs. In this regard, this study examines 12 lyrics written by local and Indonesian lyricists using the library research method. This study explores the divine elements present in the lyrics of pop and rock songs by presenting seven principles of the Takmilah theory, namely the spiritual principle of “Kamal” (perfect), the principle of prophecy as a human being- “Kamil” (perfect), the principle of Islam which is “Akmal” (perfect), the principle of the art itself that is aesthetic, the principle of knowledge and literature which is “takmilah” (perfecting), the principle of artists who should improve themselves (perfecting) and the principle of the audience aiming to cultivate them towards the perfect human being.

Keywords: Spiritual elements, Malay song lyrics, takmilah theory, seven principles, aesthetics, analysis.

PENGENALAN

Lagu Melayu merupakan satu manifestasi pemikiran berseni yang mengandungi komposisi bahasa yang berlaraskan keindahan dan kesenian kesusasteraan Melayu. Dalam hal ini, Esti Ismawati dan Tri Saptarini (2020) telah menyatakan lirik lagu sebagai salah satu bentuk puisi yang merupakan hasil karya sastra yang indah dan bermanfaat. Oleh itu, karya sastra sebegini berfungsi sebagai salah satu mercu tanda kecendekiaan bangsa di samping berfungsi sebagai media komunikasi yang bertanggungjawab dalam membentuk wadah pemikiran bangsa Melayu. Sementara itu, Nurul Natasya Harun et al. (2021) menyatakan bahawa karya sastra merupakan manifestasi kesenian yang dihasilkan menerusi media bahasa yang kreatif dan indah. Medium indah ini merupakan satu pengaruh yang dominan dalam menarik minat pendengar untuk menghayati sesebuah lagu. Lagu juga merupakan medium penggunaan bahasa yang sangat efektif dalam mewujudkan suatu hubungan yang komprehensif dan tanpa sempadan.

Keindahan lirik lagu bukanlah suatu seni tempelan semata-mata tetapi membawa wadah yang besar dalam mengkomposisikan budaya berfikir secara matang dan ilmiah. Oleh itu, kematangan ini sebenarnya bermula dari dalam diri penggubah lagu yang menyalurkan keupayaan kreatif ke dalam lagu ciptaannya. Dalam konteks ini, Masitah Mat Daud dan Zulkifley Hamid (2017) telah menyatakan bahawa makna yang terdapat dalam lirik lagu merupakan pengertian yang bukan sahaja muncul daripada bahasa yang disusun dan digunakan, bahkan mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut. Sehubungan dengan itu, setiap lagu yang dihasilkan mencerminkan adunan budaya dan konsep pemikiran seseorang pencipta lagu yang dibentuk oleh persekitaran serta pengalaman hidupnya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Lirik lagu atau seni kata lagu merupakan salah satu seni estetika yang bertunjangkan keindahan bahasa melalui komposisi ilmu kesusasteraan yang digarap secara matang. Dalam hal ini, sesebuah lirik lagu yang ditulis secara langsung menjelaskan kematangan pemikiran penulis lirik lagu secara holistik. Sehubungan dengan itu, pemikiran yang disalurkan ke dalam lirik lagu dapat memberikan impak yang luar biasa kepada pendengar khususnya penggemar lagu Melayu. Situasi ini bukan sahaja merujuk konsep dalam berhibur semata-mata, namun matlamat yang paling jelas adalah untuk membentuk kerangka pemikiran pendengar secara didaktik.

Melalui kajian ini, unsur ketuhanan merupakan komposisi penting untuk dibincangkan kerana lirik lagu yang dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada lirik lagu selain daripada genre nasyid. Kebanyakan lirik lagu berunsur ketuhanan didominasi oleh lagu nasyid yang diimplementasikan secara solo dan juga secara berkumpulan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis unsur ketuhanan dalam lirik lagu bergenre pop dan rock untuk diaplikasikan dengan teori takmilah yang merupakan satu mekanisme penting dalam hala tuju penciptaan lirik lagu tersebut.

KAJIAN LEPAS

Seni penulisan lirik lagu merupakan satu kesenian yang unik dan tersendiri. Dalam hal ini, aspek kesenian tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kematangan penulisnya dalam setiap aspek pemikiran. Hal ini demikian kerana lagu merupakan medium komunikasi secara tidak langsung antara pengkarya dengan khalayak pendengar dan seterusnya sebagai medan perkongsian ilmu pengetahuan. Komunikasi merupakan sebuah proses sosiobudaya yang penting dalam aktiviti persembahan lagu Melayu (Muhammad Takari Jilin Syahrial, 2013). Seajar dengan itu, seni dan kesenian penulisan lirik lagu ialah cerminan budaya sesuatu masyarakat dan bangsa dalam erti yang sebenar.

Sehubungan dengan itu, melalui implikasi tersebut, Hairul Anuar Harun dan Mohd Azam Sulong (2022) menyatakan bahawa seni kata atau lirik lagu merupakan sebahagian daripada sastera popular yang dapat mempengaruhi khalayak dan masyarakat dalam setiap zaman di mana sesuatu lagu itu dihasilkan. Karya sastera dan seni pula merupakan hasil kreativiti, daya intelektual dan pandangan tentang kehidupan dari seorang pengarang atau seniman. Seni kata lagu juga merupakan satu wadah popular dalam mengekspresikan rasa, pengalaman dan pemikiran penulisnya. Dalam konteks ini, lirik lagu yang ditulis merupakan satu sinergi mapan dalam membina keutuhan akal budi khalayak secara tidak langsung.

Lirik lagu yang dihasilkan juga merupakan satu medium dalam memantapkan kehidupan yang dilalui oleh individu atau masyarakat yang mendukung ilmu dan pengalaman tersebut. Situasi ini telah digambarkan oleh Zulieda Azmi dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) bahawa lirik berfungsi menerangkan kisah atau pemikiran dalam sesebuah lagu serta mempunyai kaitan yang rapat dengan masyarakat. Oleh itu, seni penulisan lirik lagu merupakan satu komposisi dominan dalam aspek kehidupan budaya semua masyarakat. Hal ini demikian kerana lirik lagu

yang ditulis bukan sekadar luahan emosi dan pemikiran semata-mata. Lirik lagu sebenarnya berperanan sebagai media komunikasi antara pengkarya dengan khalayak secara tidak langsung.

Dalam hal ini, luahan emosi dan fikiran yang diterjemahkan ke dalam lirik lagu merupakan satu tanggungjawab sosial yang berfungsi sebagai penanda aras kewibawaan seseorang penulis lirik lagu secara tidak langsung. Al-Fadhir et al. (2022) menyatakan bahawa setiap penulis lirik mempunyai pandangan, pemikiran dan karya yang tersendiri untuk disampaikan kepada pendengar. Pemikiran yang tinggi dalam pemilihan ungkapan atau perkataan tertentu dalam penghasilan lirik amat diperlukan oleh seseorang penulis kerana setiap lagu memiliki akal budi dan falsafah untuk disampaikan kepada pendengar. Dalam konteks ini, nilai estetik turut memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah karya yang dihasilkan. Menurut Aliaa Wan Mohd Muzani dan Nurul Jamilah Rosly (2021), nilai estetik sesuatu karya boleh diukur melalui pemilihan seni kata dan keindahan bahasa yang digunakan.

Seterusnya, setiap lirik lagu yang dihasilkan mempunyai nilai wacana yang tersendiri dan mendukung pelbagai mesej serta persoalan dalam kehidupan. Dalam konteks ini, unsur ketuhanan merupakan salah satu daripada kepelbagaian tema yang sering diaplikasikan dalam konteks penulisan lirik lagu yang berkesan. Sejajar dengan itu, pengaplikasian lirik lagu berunsur ketuhanan merupakan satu medium dakwah yang perlu diketengahkan dalam menaratifkan aspek pendidikan secara tidak langsung. Sabariah Jamaluddin et al. (2021) melalui kajiannya menyatakan bahawa masyarakat lebih menghargai karya lagu yang mengandungi unsur ketuhanan walaupun tidak dinyanyikan oleh penyanyi nasyid.

Berdasarkan hakikat itu, tidak dapat dinafikan lagi, unsur ketuhanan merupakan satu unsur dominan dalam menarik perhatian pendengar untuk menghayati sesebuah lagu. Dalam hal ini, Umi Rohiyatul Hidayah (2022) turut menyatakan bahawa dakwah melalui lagu merupakan alternatif yang dapat digunakan untuk menyebarkan ajaran Islam melalui unsur seni dan hiburan. Unsur ketuhanan yang disinergikan dengan unsur seni merupakan satu spektrum didaktik yang berfungsi dalam bidang pendidikan secara tidak langsung.

Ahmad Sahlan Abdul Hatim dan Mohd Nizam Sahad (2020) berpendapat bahawa hiburan berbentuk muzik dan nyanyian adalah sinonim dengan gaya hidup masyarakat kontemporari pada masa kini. Menyedari kecenderungan masyarakat pada hari ini yang gemarkan hiburan, maka

perkara tersebut perlu dipandu dengan pengisian yang betul dan tepat dalam mengharungi arus hedonisme yang terus berleluasa. Sehubungan dengan itu, lagu berunsur ketuhanan merupakan salah satu daripada medium hiburan di samping sisipan dakwah yang berupaya membentuk dan merekayasa pola pemikiran secara menyeluruh.

Sejajar dengan itu, Oktarina Puspita Wardani (2019) menyatakan bahawa lagu merupakan sebuah wacana yang memiliki unsur puitis dalam liriknya. Lagu memiliki karakter masing-masing daripada setiap pengarang. Kekuatan dalam lagu dapat dilihat dari liriknya. Dalam hal ini, lirik lagu yang estetik dan bermakna memikul tanggungjawab sosial yang dominan khususnya dalam aspek pembinaan jati diri seseorang individu dan masyarakat secara mikronya. Namun begitu, tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan lirik lagu dari sudut didaktik masih perlu dipertingkatkan memandangkan terdapat kelompangan dari sudut kajian mengenai lirik lagu berunsur ketuhanan berdasarkan teori takmilah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menerapkan dua kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis lirik lagu yang dikaji. Kaedah kepustakaan dilakukan melalui proses pembacaan bahan bertulis seperti artikel, makalah dan jurnal. Bahan ini diperoleh melalui laman web dalam talian seperti Scribd, Google Scholar, Academia dan Research Gate. Proses pembacaan tersebut dilakukan bagi memperoleh idea asas dan pemahaman yang konkrit berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Rujukan kajian lepas ini penting bagi memastikan penulisan pengkaji tidak terpesong daripada objektif kajian.

- (a) Model pendekatan: Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks, iaitu menganalisis secara mendalam teks bercetak atau bertulis yang memfokuskan bidang kajian. Umumnya bahan untuk kajian ini merupakan instrumen yang dihasilkan oleh komposer lagu berdasarkan kepakarannya dalam industri muzik.
- (b) Fokus kajian: Kajian ini memfokuskan unsur ketuhanan yang terdapat dalam lirik lagu Melayu hasil karya komposer tempatan dan Indonesia berdasarkan teori takmilah. Di samping itu, kajian ini juga bersifat deskriptif, iaitu menghuraikan dan menerangkan data yang diperoleh berasaskan kolektif kata dan bukannya himpunan angka.

- (c) Teknik pengumpulan data: Pengumpulan data dilakukan dengan melakukan penelitian terhadap unsur ketuhanan yang terdapat dalam lirik lagu di samping memperincikan kandungan lirik lagu tersebut secara komprehensif. Oleh itu, data tersebut diteliti dengan menggunakan teknik analisis teks dalam perspektif ketuhanan yang terkandung dalam lirik lagu yang dikaji.
- (d) Analisis: Penganalisan dilakukan melalui himpunan data yang diperoleh dan penelitian dilakukan secara kualitatif konseptual. Oleh itu, kronologi analisis kandungan kajian kualitatif dalam ruang lingkup termasuklah dengan membaca, mencatat (mengumpul data), mengenal pasti, menyusun dan menganalisis berdasarkan urutan yang bersesuaian dengan prinsip teori yang diaplikasikan. Dalam konteks ini, pengkajian dan penganalisan isi kandungan lirik lagu secara mendalam berupaya menghasilkan satu dapatan kajian yang berautoriti.

Data utama kajian ini diambil daripada 12 lagu dendangan artis di Malaysia dan Indonesia sekitar tahun 70-an, 90-an dan 2000. Justifikasi pemilihan lagu tersebut dilakukan berdasarkan populariti lagu berkenaan dalam kalangan pendengar dan peminat lagu Melayu dan Indonesia. Senarai lagu-lagu tersebut dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.

Secara rasionalnya, 12 lirik lagu ini dipilih berdasarkan kemantapan bahasa yang digunakan di samping pengaplikasian diksi yang bertepatan dengan tema lagu. Selain itu, lagu-lagu yang terpilih ini juga mendukung nilai kerohanian yang tinggi di samping menyebarkan unsur ketuhanan yang dominan. Sejajar dengan itu, aspek demografi juga diambil kira memandangkan 12 lirik lagu yang dikaji mempunyai nilai karismatik yang cukup tinggi untuk menarik minat pendengar di Malaysia dan juga di Indonesia. Oleh itu, 12 lirik lagu tersebut merupakan laguyang cukup signifikan dengan halwa telinga penduduk di kedua-dua buah negara di Asia Tenggara ini.

Teori Takmilah

Teori Takmilah merupakan sebuah teori sastera Islam yang telah diperkenalkan oleh Dr. Shafie Abu Bakar pada tahun 1993. Beliau telah mengemukakan teori ini dengan falsafah tauhid sebagai tunjang utama

Jadual 1 Senarai 12 lagu sebagai data utama kajian.

Bil.	Penyanyi	Tajuk Lagu
1	M.Nasir	<i>Tanya Sama Itu Hud-Hud</i>
2	Terra Rossa	<i>Kehendak-Nya</i>
3	Damasutra	<i>Sesat dalam Rindu</i>
4	Damasutra	<i>Sufi</i>
5	Afghan	<i>Pada-Mu Ku Bersujud</i>
6	Opick	<i>Rapuh</i>
7	Letto	<i>Sandaran Hati</i>
8	Ukay's	<i>Kau Satu-satu-Nya</i>
9	Ahmad Jais	<i>Takwa dan Iman</i>
10	Ann	<i>Cinta Melankolia</i>
11	Opick	<i>Bila Waktu Telah Berakhir</i>
12	D'Lloyd	<i>Keagungan Tuhan</i>

pembinaan kerangka dengan mengemukakan tujuh prinsip keislaman secara holistik. Prinsip teori tersebut termasuklah prinsip ketuhanan bersifat kamal, prinsip kerasulan sebagai insan kamil, prinsip keislaman bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takumul, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pengkarya mengistimakan diri dan prinsip khalayak ke arah insan kamil. Dalam hal ini, Kamariah Kamaruddin (2011) telah menyatakan bahawa perkataan takmilah berasal daripada kata akar “kamal” dalam bahasa Arab yang berkait dengan “tajmilah” dan “jamal” (hlm. 75). Malah, perkataan takmilah ini merupakan istilah yang bermaksud penyempurnaan.


Umumnya, teori ini bersifat menyeluruh kerana melibatkan hubungan manusia dengan Pencipta dan juga melibatkan setiap individu dengan individu yang lain secara tidak langsung. Sehubungan dengan itu, teori ini telah mewujudkan satu konotasi kesempurnaan dalam pengaplikasian dan penganalisisan teks karya bercorak Islam. Dalam hal ini, Rosnani Ripin (2017) turut menyatakan bahawa teori takmilah menyempurnakan aspek keislaman menerusi sastera. Oleh itu, hubungan simbiosis antara teori dengan sastera telah mewujudkan satu sinergi karya yang utuh untuk

khalayak. Gambaran jelas tentang sinergi keutuhan teori ini dapat dilihat melalui Rajah 1.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Unsur Ketuhanan dalam Lirik Lagu

Seni kata atau lirik yang terdapat dalam lagu Melayu merupakan satu inti pati utama yang menjadi nadi dalam kejayaan sesebuah karya seni.



Rajah 1 Gambaran sinergi keutuhan teori takmilah.

Sumber: Takmilah, Teori, Falsafah dan Prinsip dalam Sastera Islam dan Budaya dalam Kajian Akademik (1997).

Dalam hal ini, lagu yang membawa mesej ketuhanan berfungsi secara langsung sebagai medium dakwah dalam konteks pendidikan yang bersifat serampang dua mata. Dalam konteks ini, unsur ketuhanan tersebut mendukung beberapa elemen penting yang mencakupi aspek pendidikan secara tidak langsung. Antaranya ialah pendidikan dari sudut spiritual yang menjadi asas peneguh dan memacu kecemerlangan daya fikir individu dalam setiap aspek kehidupan. Seajar dengan itu, lagu mampu menarik pemikiran manusia dalam tempoh tertentu melalui rangsangan deria dengar dan juga boleh merubah serta mempengaruhi masyarakat untuk mengikut trend kehidupan tertentu (Mohd A'sim Ismail, 2017).

Prinsip Ketuhanan yang Bersifat “Kamal”

Berdasarkan objektif kajian yang telah dijalankan, iaitu penelitian terhadap unsur ketuhanan dalam lirik lagu Melayu, prinsip ketuhanan yang bersifat kamal telah dimanifestasikan melalui lirik lagu *Tanya Sama Itu Hud-hud* nyanyian Dato' M. Nasir. Lagu *Tanya Sama Itu Hud-hud* merupakan sebuah lagu tradisional balada yang ditulis dan dinyanyikan sendiri oleh Dato' M. Nasir melalui album *Canggong Mendonan* dan dikeluarkan pada tahun 1994. Melalui lagu ini, huraian tentang kebenaran menuju ke jalan Tuhan telah dinyatakan secara tersirat melalui bait-bait rangkap lagu. Secara keseluruhannya, lirik lagu yang terhasil ini menggambarkan tentang sifat “Kamal” Allah yang digambarkan oleh penulis lirik lagu sebagai pemangkin ilham manusia, sehingga manusia berupaya mencipta dan berkarya dalam momentum yang penuh keindahan secara tersirat. Secara tidak langsung, lagu ini menggarapkan kesemua hal ini dalam satu jalan cerita yang zahirnya kelihatan tidak berkesinambungan antara satu sama lain (Lautan Biru, 2020). Oleh itu, garapan keindahan dan kesempurnaan ini telah dimanifestasikan melalui petikan lirik lagu *Tanya Sama Itu Hud-hud* (M. Nasir, 1994).

***Tujuh puluh tiga pintu
Tujuh puluh tiga jalan
Yang sampai hanya satu jalan
Ribu-ribu margasatua
Mencari Raja si Muraq
Yang sampai hanya tiga puluh
Ooh ... Sang Algojo
Ooh ... nanti dulu***

*Lihatlah dunia dari mata burung
Atau lihat dari dalam tempurung
Yang mana satu engkau pilih
Dalam kalut ada peraturan
Peraturan mencipta kekalutan
Di mana pula kau berdiri
Di sini*

*Ooh... Sang Algojo
Ooh... nanti dulu
**Berikan ku kesempatan akhir ini
Untuk menyatakan kalimah sebenarnya
Berikan ku kesempatan akhir ini
Lai lai la Lai la lai***

*Tanya sama itu hud-hud
Lang mensilang
Kui mengsikui
Kerana dia yang terbangkan aku ke mari
Ooh ... Sang Algojo
Ooh ... nanti dulu*

Berdasarkan rangkap pertama lirik lagu tersebut, gambaran tentang sifat “Kamal” dan “Jamal” Allah telah mewujudkan satu arah kesatuan, iaitu hala tuju semua makhluk untuk kembali kepada Allah melalui proses mengenali diri sendiri. Menurut *Kamus Dewan* (2021), “kamal” bermaksud sempurna atau lengkap serba-serbinya. Rangkap pertama di atas menggambarkan kesemua makhluk berusaha mencari Allah dengan pelbagai cara, namun hanya satu cara sahaja yang menjadi prasyarat untuk bertemu Allah. Sehubungan dengan itu, lirik lagu ini telah merekayasa pemikiran khalayak untuk memahami dan menaakul setiap baris kata yang terdapat dalam lirik lagu tersebut secara pragmatik. Selain itu, lirik lagu dalam rangkap pertama juga memanifestasikan tentang golongan manusia yang mempunyai fahaman berbeza antara satu sama lain. Perbezaan fahaman ini bukan sahaja melibatkan situasi hidup seharian, bahkan melibatkan pemahaman dalam aspek agama. Namun, pada akhirnya yang terselamat hanyalah golongan yang berpegang pada satu fahaman yang benar (Cakotiau, 2017).

Seterusnya melalui rangkap ketiga, penulis lirik menggambarkan tentang permintaan manusia agar diberikan peluang pada waktu yang singkat untuk menyampaikan dan menyebarkan sesuatu yang benar. Tetapi malangnya sehingga tiba pada saat akhir dalam kehidupan, manusia masih belum mampu bertaubat dan memohon keampunan dari Allah SWT. Sehingga tiba pada saat akhir, manusia cuba merayu agar kematian dan pengakhiran dalam hidup itu ditangguhkan. Namun begitu, janji Allah itu pasti dan tepat pada saatnya. Dalam hal ini, teori takmilah mensinergikan dua sifat Allah, iaitu “Kamal” dan “Jamal”. Kedua-dua elemen tersebut mempunyai hubungan yang simbiosis dalam mengkonstruktifkan medan ilmu yang terdapat dalam lirik lagu ini. Oleh itu, aspek keindahan yang terdapat dalam lirik lagu ini disempurnakan oleh unsur ilmu yang membawa manusia menuju kepada Allah SWT.

Perkara ini juga turut dimanifestasikan dalam lirik lagu *Kehendak-Nya* nyanyian Ali Terra Rossa (1994) yang ditulis oleh komposer terkenal S. Amin Shahab. Lagu ini mengisahkan tentang keinsafan manusia yang telah mengenal keagungan Tuhan. Manusia menyedari kekuasaan Tuhan yang tidak terbatas dan setiap kejadian yang berlaku dalam dunia ini adalah dengan keizinan Allah SWT. Dalam hal ini, manifestasi kasih sayang Allah kepada manusia, iaitu makhluk ciptaan-Nya juga tiada garis sempadan. Walau apapun yang telah manusia lakukan, namun Allah tetap mengampunkan hamba-Nya yang mempunyai sifat keinsafan yang mendalam. Situasi ini dapat dilihat melalui petikan lirik lagu *Kehendak-Nya* (Terra Rossa, 1994).

*Bergelut dengan kenyataan
Bermandi sinar kepalsuan
Gelita dalam penantian
Harapan pudar dalam di jalanan*

*Memesong tiada haluan
Tersesat di dalam cahaya
Tersinggung sengsara akhirnya
Akibat cinta buta*

*Di mana kasih berada
Di situ terpaut duka
Di mana rindu bermanja
Di situ berparut luka
Hanya Tuhan yang lebih mengerti*

*Kedukaan yang aku lalui
Kasih Tuhan tak berbelah bagi
Kepada-Nya cintaku patuhi
Terbuktilah hanya satu jalan
Ternyatalah kalimah dan firman
Tak bergerak satu zarah jua
Melainkan dengan izin Tuhan*

Melalui petikan rangkap keempat lagu ini, prinsip ketuhanan yang bersifat “Kamal” berupaya menanamkan rasa keinsafan melalui penghayatan yang tinggi terhadap karya yang dihasilkan. Berdasarkan petikan lirik lagu ini juga, aspek “Kamal” dan “Jamal” Allah mempunyai korelasi yang sangat erat dalam menghubungkan manusia dengan Allah melalui frasa “*kasih Tuhan tak berbelah bagi Kepada-Nya cintaku patuhi*”. Dalam hal ini, Allah Maha Pencipta dan Maha Mengetahui apakah yang tersembunyi di dalam dada hamba-Nya. Frasa “*hanya Tuhan yang lebih mengerti*” mencitrakan tentang sifat “Kamal” Allah yang tiada sempadan dan ilmu Allah juga tidak terjangkau oleh fikiran manusia.

Selain itu, lirik lagu *Sesat dalam Rindu* nyanyian kumpulan Damasutra (1992) juga turut menengahkan aspek ketuhanan dengan penuh estetik. Morfologi lirik lagu yang terhasil menggambarkan prinsip ketuhanan yang “Kamal” dalam menanamkan rasa keinsafan melalui penghayatan yang tinggi terhadap karya yang dihasilkan. Pembacaan dan penghayatan yang mendalam terhadap sesebuah lirik lagu yang terhasil dapat mengubah seseorang manusia ke arah takmilah dalam pelbagai sudut personaliti sama ada sikap atau cara berfikir. Dalam hal ini, lirik lagu yang berkesan akan mencetuskan ruang berfikir secara kognitif dalam kalangan pendengar.

Dalam konteks ini, pengisahan tentang pencarian Tuhan oleh seorang hamba yang telah lama alpa merupakan inti pati utama lagu ini. Insan tersebut berusaha mendekatkan diri kepada Tuhan dengan pelbagai cara sehingga sanggup meninggalkan segala kenikmatan dan kemewahan dunia. Sehubungan dengan itu, insan ini memberikan peringatan kepada pendengar lagu ini agar tidak mendambakan kehebatan dunia sebagai imbuhan, sebaliknya harus berusaha mencari rahsia yang tersembunyi. Oleh itu dengan hakikat keinsafan, insan ini membawa diri untuk menyelami hakikat diri, iaitu bermuraqabah dan mengotakan semula janji yang dibina bersama Pencipta di alam roh dahulu.

Selaras dengan itu, keindahan lirik lagu yang dibincangkan dan makna yang puitis dapat dihayati melalui petikan lirik lagu *Sesat dalam Rindu* (Damasutra, 1992).

*Ku resah mencari-Mu dengan akal
Dengan bersama sifat-sifat pinjaman
Kau kurasakan semakin menjauh
Tersesatlah aku dalam rindu*

*Ku satukan firasat mencari-Mu
Dan ku terlontar di penghujung alam
Kau masih tidak dapat ku jejak
Betapa malangnya nasib ku*

*Keranamu kutinggalkan segalanya
Sendiri aku terpedaya
Punya akal dan firasat yang tidak ke mana
Hanya jalan yang sengsara*

*Zahir musnah bagi yang mimpi
Zahir ada rahsia mencari
Lalu kuselami di dalam diri
Dibawa arus nafasku
Asal serah janji dahulu
Mula hidup pasti mula cinta*

Berdasarkan lirik lagu tersebut, gambaran tentang prinsip ketuhanan yang “Kamal”, iaitu sempurna dan prinsip ketuhanan yang “Jamal”, telah menimbulkan rasa insaf yang mendalam. Melalui frasa “**asal serah janji dahulu**” dan “**mula hidup pasti mula cinta**” merupakan indikator dominan dalam aspek hubungan manusia dengan Yang Maha Pencipta. Dalam hal ini, frasa “**asal serah janji dahulu**” bermaksud satu fasa perjanjian yang berlaku di alam roh antara makhluk, iaitu manusia dengan Tuhan Yang Maha Pencipta. Perjanjian ini berlaku sebelum manusia lahir ke dunia dan manifestasi janji tersebut berkait rapat dengan aspek ibadah yang harus dilakukan oleh manusia sebagai hamba. Seterusnya, frasa “**mula hidup pasti mula cinta**” pula membawa maksud permulaan kisah percintaan antara makhluk dengan Penciptanya. Percintaan ini bermula pada saat roh ditiupkan ke dalam jasad yang mencetuskan fasa kehidupan manusia

di muka bumi ini. Oleh itu, mekanisme rasa kecintaan dan keinsanan melalui lirik lagu ini memerlukan penghayatan yang tinggi di samping mencetuskan satu anjakan paradigma dalam aspek pemikiran pendengar.

Prinsip Kerasulan sebagai Insan “Kamil”

Prinsip kedua teori takmilah ini memanifestasikan satu korelasi erat antara sifat “Kamil” yang terangkum dalam diri Rasulullah SAW dengan istilah sifat “Kamal” Allah SWT. Dalam hal ini, korelasi tersebut telah mewujudkan manusia sebagai makhluk yang sebaik-baik kejadian dan berupaya menjadi pemimpin untuk memikul amanah Allah. Oleh itu, melalui kajian ini, keterampilan pemikiran seseorang pencipta lagu memainkan peranan yang sangat besar dalam mengolah kata-kata menjadi satu frasa yang sempurna. Manifestasi kesempurnaan itu dapat dilihat melalui petikan lagu *Sufi* (Damasutra, 1992).

Sufi selangkah tirai kasihmu ku buka
Engkau serahkan cinta hingga dirimu tiada
Kasih Sufi kau rela pilih derita di dunia
Biar rebah dihina kau tak berubah

Kau menguasai selautan
Yang tersembunyi di genggaman
Nafi dan Isbat kau sandingkan
Sebagai tali pegangan

Sufi kau hilang di pandangan
Ada di dalam kenikmatan
Engkau dan dia
pasti tidak akan terpisah
Andai tertutup tirai Sufi
Yang terang tidak nampak terang
Inilah siksa menyakitkan
sepanjang jalan

Inginku tempuh titianmu
Dari kekasih ke kekasih
Pengabdianku bersamamu kasih
Biar rebah dihina kau tak berubah

Petikan lagu tersebut mengkomposisikan pemikiran penulis lirik lagu yang menyelami jiwa seorang sufi. Persoalan sufistik yang dimaksudkan di sini ialah seorang sufi yang telah mencapai tahap hilang kewujudan diri dan memilih untuk menjalani hidup yang zuhud. Walaupun mereka terpaksa berdepan dengan kesukaran, namun mereka tetap bertahan demi mendalami ilmu ketuhanan. Sehubungan dengan itu, sufi merupakan salah satu kaedah yang dilakukan oleh umat Islam untuk memperbetul segala amal ibadah yang selama ini tertinggal untuk dilaksanakan. Sufi juga merupakan satu jalan untuk mencapai satu peringkat dalam ibadah sehingga wujudnya keasyikan terhadap cinta Tuhan (Azmil Azali, 2021).

Berdasarkan lirik lagu ini, prinsip kerasulan sebagai insan “Kamil” dimanifestasikan melalui pemilikan sifat “Kamil” yang terdapat pada Rasulullah SAW. Sifat “Kamil” mempunyai pertalian dengan sifat “Kamal” Allah SWT yang Maha Sempurna (Kamariah Kamaruddin, 2011). Dalam hal ini, istilah “Kamil” dikorelasikan dengan sifat sempurna Rasulullah SAW untuk membuktikan bahawa wujudnya manusia yang dikatakan sebagai sebaik-baik kejadian. Melalui lagu ini, elemen insan Rabbani dapat dilihat melalui frasa *“engkau serahkan cinta hingga dirimu tiada”* menunjukkan kekhusyukan seorang sufi dalam mengabdikan diri kepada Allah. Implikasi daripada rasa khusyuk tersebut berupaya membentuknya menjadi seorang insan yang kamil.

Di samping itu, frasa *“kau menguasai selautan”* dan *“yang tersembunyi di genggamannya”* juga menggambarkan tahap pengetahuan tentang sifat ketuhanan sehingga sebatikan dalam diri seorang sufi. Tahap pengetahuan ini mewujudkan tingkat kerohanian insan ke arah insan khalifah seterusnya menjadi insan Rabbani. Dalam hal ini, penyatuan konsep insan Khalifah dan insan Rabbani akan membentuk asas penyempurnaan jiwa yang akan melahirkan insan Kamil. Dalam konteks lagu ini, penyempurnaan atau ketakmilan insan sebenarnya bertitik tolak daripada pegangan yang menjadi iktikad dalam kehidupan. Melalui frasa *“nafi dan Isbat kau sandingkan”* dan *“sebagai tali pegangan”* merupakan satu pembuktian tentang ketakmilan hidup seseorang insan dalam membentuk diri sebagai insan kamil.

Rangkap ketiga menggambarkan jika tirai sufi kembali terhijab maka pandangan mereka terhadap unsur ketuhanan menjadi kabur kerana godaan duniawi. Dalam konteks ini, apabila seorang sufi berada pada tahap maqam makrifatullah, iaitu mengenali hak-hak ketuhanan dan keesaan-Nya (Iqbal Zain al-Jauhari, 2015), maka persoalan keduniaan bukan lagi keutamaan bagi mereka. Oleh itu, penulis lirik lagu ini ingin merasai sendiri

pengalaman yang ditempuh oleh ahli sufi melalui bimbingan seorang guru yang mursyid, di samping menjadi bekal untuk penulis menemui Tuhan suatu masa nanti. Dalam hal ini, kalimah “*nafi*” dan “*isbat*” diintegrasikan untuk menjadi asas dalam kehidupan seseorang sufi. Selain itu, seorang sufi juga sering mengasingkan diri dari masyarakat kerana mereka lebih memfokuskan diri dalam beribadat.

Prinsip Keislaman yang Bersifat “Akmal” (Sempurna)

Prinsip ketiga teori takmilah, iaitu prinsip keislaman yang bersifat “Akmal” (sempurna), secara tidak langsung memanifestasikan aspek teori yang dihubungkan dengan Islam sebagai satu pegangan yang syumul. Dalam konteks ini, penghayatan tentang kesyumulan Islam telah diterjemahkan ke dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh Afghan (2009), iaitu *Pada-Mu Ku Bersujud* dan kumpulan D’Lloyd (1974), iaitu *Keagungan Tuhan*. Kedua-dua buah lagu ini mengutarakan aspek ketuhanan sebagai tema utama yang digarap dengan begitu puitis oleh penulis lirik lagu ini. Keindahan dan kekuatan lirik lagu tersebut telah dikomposisikan sebagaimana lirik lagu *Pada-Mu Ku Bersujud* (Afghan, 2009):

***Ku menatap dalam kelam
Tiada yang bisa kulihat
Selain hanya nama-Mu, ya Allah***

*Esok ataukah nanti
Ampuni semua salahku
Lindungi aku dari segala fitnah*

***Kau tempatku meminta
Kau beriku bahagia
Jadikan aku selamanya
Hamba-Mu yang selalu bertakwa***

*Ampuni aku ya Allah
Yang sering melupakan-Mu
Saat Kau limpahkan karunia-Mu
Dalam sunyi aku bersujud*

*Kau tempatku meminta
Kau beriku bahagia
Jadikan aku selamanya*

Hamba-Mu yang selalu bertakwa
Ampuniku ya Allah
Yang sering melupakan-Mu
Saat Kau limpahkan karunia-Mu
Dalam sunyi aku bersujud
Pada-Mu, oo-oooh, ooh

Berdasarkan petikan tersebut, penulis lirik lagu ini menerapkan nilai akidah dan nilai syariat secara tidak langsung. Lirik lagu ini memaparkan tentang permohonan keampunan yang sangat mendalam dari makhluk kepada al-Khaliq yang telah menciptanya. Selain itu, lirik lagu ini menyatakan bahawa Tuhan merupakan tempat bagi hamba meminta dan Tuhan juga mempunyai kuasa mutlak untuk memberikan kebahagiaan kepada hamba-Nya. Melalui lagu ini, penulis memohon agar dijauhkan daripada segala fitnah, sama ada fitnah di dunia mahupun fitnah di akhirat.

Melalui rangkap pertama lirik lagu tersebut, persoalan kehambaan dapat dilihat melalui kebergantungan seorang hamba kepada penciptanya. Dalam hal ini, lirik lagu dalam rangkap pertama menekankan prinsip keislaman yang bersifat “Akmal”. Hal ini demikian kerana kebergantungan manusia kepada Allah merupakan permulaan paksi keimanan dalam diri seorang manusia. Begitu juga lirik lagu pada rangkap yang ketiga dan terakhir turut memanasifestasikan aspek penyerahan diri serta perhambaan seorang hamba kepada Tuhannya. Mesej yang disampaikan dalam lirik lagu ini secara jelasnya menunjukkan bahawa bidang sastera merupakan medium pelengkap kepada kesyumulan Islam sebagai ad-Din.

Begitu juga dengan lagu *Keagungan Tuhan* nyanyian kumpulan D’Lloyd (1974) yang juga mendukung tema yang sama sebagaimana lirik ini:

Insafilah wahai manusia
Jika dirimu bernoda
Dunia hanya naungan
Tuk makhluk ciptaan Tuhan
Dengan tiada terduga
Dunia ini kan binasa
Kita kembali ke asalnya
Menghadap Tuhan yang Esa

(Korus)
Dialah pengasih dan penyayang
Kepada semua insan

***Janganlah ragu atau bimbang
Pada keagungan Tuhan
Betapa Maha Besarnya
Pencipta alam semesta***

*Siapa selalu berbakti
Mengabdikan pada Ilahi
Kan Sentosa selamanya
Di dunia dan akhir masa*

Berdasarkan lirik lagu tersebut, penulis menyeru kepada semua pendengar agar menginsafi hakikat diri sebagai hamba yang berdosa. Penulis juga mengingatkan pendengar bahawa dunia ini akan binasa dan semua makhluk akan kembali menemui Pencipta. Melalui lagu ini juga, penulis menyatakan tentang keagungan Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Melalui rahmat dan kasih sayang pemilik alam semesta ini, makhluk ciptaan-Nya yang mengabdikan diri kepada Tuhan akan berbahagia sehingga ke akhir masa.

Spektrum ketuhanan yang disampaikan melalui lirik lagu *Keagungan Tuhan* ini juga bertepatan dengan prinsip keislaman yang bersifat “Akmal”, iaitu prinsip ketiga teori takmilah. Melalui rangkap kedua dan ketiga lirik lagu di atas, aspek peringatan yang diutarakan oleh penulis merupakan unsur pelengkap yang membantu mentakmilahkan Islam sebagai ad-Din. Sehubungan dengan itu, sinergi teori dan sastera yang terkandung dalam lirik lagu ini telah mewujudkan medium pelengkap kepada kesyumulan Islam. Sejajar dengan itu, unsur ketuhanan yang terdapat dalam lirik lagu ini berfungsi sebagai pelengkap kepada sastera dan sastera pula menyampaikan mesej keislaman untuk mentakmilahkan agama.

***Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takmilah
(Menyempurnakan)***

Prinsip keempat teori takmilah yang memfokuskan aspek korelasi antara ilmu dengan sastera secara kolektif ini merupakan satu tambahan yang simbiosis antara akal dengan hati. Pertalian yang erat antara akal dengan hati ini telah mewujudkan skala ilmu yang cukup luas serta pada masa yang sama, proses transformasi pemikiran seseorang individu juga turut berlaku. Dalam hal ini, akal merupakan alat yang paling utama dalam mencapai keilmuan khususnya yang berhubung dengan sesuatu yang alamiah dan rasional sifatnya. Hati pula merupakan saluran ke

arah keilmuan yang bersifat rohani yang dikenali sebagai makrifat (Shafie Abu Bakar, 1997). Berdasarkan pernyataan tersebut Allah telah berfirman dalam Surah Al-‘Ankabut (29:49) yang bermaksud:

Sebenarnya (Al-Quran) itu adalah ayat-ayat yang jelas di dalam dada orang-orang yang berilmu. Hanya orang-orang yang zalim yang mengingkari ayat-ayat kami.

Dalam konteks kajian ini, sinergi antara ilmu dengan sastera yang saling melengkapi telah mewujudkan satu kesinambungan ilmu yang dimanifestasikan ke dalam lirik lagu. Lirik lagu *Sandaran Hati* nyanyian Letto (2005) merupakan sebuah lagu yang memerlukan penghayatan yang tinggi untuk memahaminya. Seajar dengan itu, penghayatan terhadap lagu ini juga bersifat seperti serampang dua mata, iaitu penerokaan terhadap unsur ketuhanan dalam lirik lagu dan pada masa yang sama penerokaan terhadap nilai ilmu sastera. Sehubungan dengan itu, prinsip ilmu dengan sastera sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain sebagaimana yang diterjemah dalam petikan lirik lagu *Sandaran Hati* (Letto, 2005):

*Yakinkah kuberdiri, diam tlah tanpa tepi
Bolehkah aku mendengarmu
Terkubur dalam emosi, tak bisa bersembunyi
Aku dan nafasku merindukanmu*

*Terpurukku di sini, terangi dia yang sepi
Dan kutahu pasti kau menemani
Dalam hidupku kesendirianku*

***Teringatku teringat
Pada janjimu ku terikat
Hanya sekejap ku berdiri
Kulakukan sepenuh hati
Peduliku peduli
Siang dan malam yang berganti
Sedihku ini tak ada arti
Jika kaulah sandaran hati
Kaulah sandaran hati***

*Inikah yang kau mahu, benarkah ini jalanmu
Hanyalah engkau yang kutuju
Pegang erat tanganku, bimbing langkah kakiku
Aku hilang arah tanpa hadirmu, dalam gelapnya malam hariku*

Lirik lagu tersebut mengisahkan tentang keraguan dalam kehidupan manusia di dunia sewaktu menempuh pelbagai masalah dan cabaran. Perkataan “yakinkah” menunjukkan betapa kerdilnya manusia (JurnalBiasa: 2021). Namun setiap permasalahan yang wujud sebenarnya membuka jalan untuk manusia bersandar harap kepada Tuhan. Melalui rangkap ketiga dan keempat, penulis mengemukakan aspek ibadah secara simbolik. Situasi ini dimanifestasikan melalui aspek ibadah zikir, pengucapan syahadah dan juga solat yang didirikan dengan penuh khusyuk. Di samping itu, ibadah wajib dan sunat juga dilaksanakan dengan penuh ketaatan. Sebagai contoh, ibadah zakat serta sedekah amat dititikberatkan walaupun berdepan dengan pelbagai halangan.

Berdasarkan rangkap ketiga lirik lagu tersebut juga, aspek ibadah dilambangkan sebagai satu bentuk hubungan yang konkrit antara akal dengan hati. Dalam hal ini, teras prinsip teori takmilah yang keempat menyasarkan hubungan mutlak antara akal dengan hati. Korelasi ini telah mewujudkan satu hubungan yang signifikan dan saling melengkapi antara ilmu dengan sastera. Kamariah Kamaruddin (2011:86) telah menyatakan bahawa sastera bersifat *takumul* kepada ilmu manakala ilmu pula bersifat *takumul* kepada sastera. Oleh itu, melalui rangkap ketiga lirik lagu *Sandaran Hati*, prinsip ilmu yang disinergikan dengan unsur keindahan sastera telah mewujudkan satu simbiosis yang *takumul* sifatnya terhadap kedua-dua elemen tersebut.

Melalui rangkap akhir lagu ini, penulis menggambarkan seorang hamba yang berjalan menuju ke jalan Tuhannya dengan penuh keyakinan. Melalui rangkap terakhir ini juga, penulis memohon kepada Tuhan agar diperkuat langkahnya dan dibimbing menuju ke jalan yang benar. Oleh itu, penulis tetap yakin bahawa Tuhan selalu bersamanya dalam setiap aspek kehidupan. Dalam konteks ini, penulis juga menyatakan bahawa manusia terikat dengan perjanjian yang dilafazkan bersama penciptanya, dan manusia juga perlu menyedari bahawa hidup ini hanyalah sementara. Selaras dengan waktu yang berlalu, semua makhluk akan binasa, dan hakikat ini merupakan ketetapan yang telah diatur Allah SWT.

Prinsip Sastera Sendiri yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah (Sempurna dan Menyempurnakan)

Berdasarkan prinsip kelima teori takmilah, tumpuan difokuskan kepada aspek estetik yang menjadikan sesebuah karya itu bersifat takmilah dan menyempurnakan. Melalui teori ini, aspek takmilah yang dibincangkan adalah meliputi pelbagai prospektif, sama ada lahiriah dan juga maknawi.

Dalam hal ini, Kamariah Kamaruddin (2011:87) menyatakan bahawa ciri keindahan dari sudut lahiriah meliputi teknik penciptaan sesebuah karya, iaitu dari segi bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada stilistika, rima, ritma, matra, suku kata, asonansi dan aliterasi. Sementara itu, sudut maknawi pula difokuskan pada aspek isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, keindahan dalam sesebuah karya yang dikaji merangkumi dua unsur penting, iaitu lahiriah dan maknawi.

Sehubungan dengan itu, melalui kajian ini unsur lahiriah dan maknawi dapat ditelusuri berdasarkan lirik lagu *Rapuh* yang ditulis dan dinyanyikan oleh Opick (2006) dari Indonesia. Berdasarkan lirik lagu ini, ciri keindahan lahiriah diterjemah melalui baris ketiga dalam rangkap pertama. Melalui lagu ini, unsur asonansi dalam frasa “*suka dan duka, tangis dan tawa*” merupakan spektrum keindahan yang meninggalkan impak. Unsur asonansi ini dimanifestasikan melalui pengulangan huruf vokal “u” dan huruf vokal “a” yang menonjolkan nilai kelembutan dan keindahan dalam lirik lagu. Di samping keindahan melalui ciri asonansi, lirik lagu *Rapuh* (Opick, 2006) ini juga menjelaskan tentang hubungan manusia dengan Tuhan secara holistik.

*Detik waktu terus berjalan
Berhias gelap dan terang
Suka dan duka, tangis dan tawa
Tergores bagai lukisan*

*Seribu mimpi, sejuta sepi
Hadir bagai teman sejati
Di antara lelahnya jiwa
Dalam resah dan air mata
Kupersembahkan kepada-Mu
Yang terindah dalam hidupku
Meskiku rapuh dalam langkah
Kadang tak setia kepada-Mu
Namun cinta dalam jiwa
Hanyalah pada-Mu
Maafkanlah bila hati
Tak sempurna mencintai-Mu
Dalam dada kuharap hanya
Diri-Mu yang bertakhta*

Lagu ini mengisahkan tentang kehidupan manusia yang sangat rapuh dalam mengatur langkah untuk menuju ke jalan Tuhan. Lirik lagu ini adalah berunsurkan ketuhanan. Kadangkala keimanan dan ketakwaan manusia rapuh hanya disebabkan oleh kekecewaan dalam hidup. Dalam hal ini, manusia sama ada boleh ingkar dan akur jika jiwa mereka dibelenggu resah dan air mata, namun boleh berakhir dengan kekufuran. Penulis lagu ini, iaitu Opick ingin menyeru masyarakat supaya belajar untuk bersyukur dan reda agar jiwa tenang, walaupun hakikatnya bukan mudah untuk menerima segala ketentuan dari Tuhan.

Seterusnya, melalui rangkap kedua lagu, ciri maknawi dari sudut metafora dapat dilihat melalui frasa “*seribu mimpi dan sejuta sepi*”. Seterusnya keindahan lagu ini juga ditelusuri melalui isi dan tema ketuhanan yang digarap oleh penulis lirik dengan jelas sekali. Di samping itu, unsur simile diterjemahkan dalam frasa “*tergores bagai lukisan*” dan “*hadir bagai teman sejati*”. Unsur alegori pula dimanifestasikan dengan frasa “*meskiku rapuh dalam langkah*” merupakan unsur keindahan yang mentakmilahkan lirik lagu ini. Akhir sekali, frasa “*detik waktu terus berjalan*” mengkomposisikan ciri maknawi dari sudut keindahan personifikasi. Dalam konteks ini, ciri-ciri estetik yang terdapat dalam lirik lagu *Rapuh* merupakan satu postulat yang kukuh dalam aspek takmilah. Opick menyatakan bahawa album yang sarat dengan mesej kemanusiaan itu dilahirkan kerana ingin memberikan semangat kepada mereka yang diuji agar sentiasa mengingati Allah dan Allah sentiasa ada bersama setiap hamba-Nya (Berita, 2017).

Berdasarkan spektrum perbincangan ini, unsur ketuhanan merupakan satu unsur dominan dalam lirik lagu *Rapuh*. Di samping itu, nilai keindahan yang disisipkan melalui penerapan gaya bahasa dan kepelbagaian diksi yang bertepatan telah mewujudkan platonik empati ke dalam jiwa khalayak pendengar. Sehubungan dengan itu, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat takmilah telah menyempurnakan lirik lagu *Rapuh* di samping membataskan unsur pleonasmе yang tidak sepatutnya berada dalam diksi lagu itu.

Prinsip pada Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (Menyempurnakan)

Berdasarkan prinsip keenam teori takmilah, pengkarya disaran supaya mengistikmalkan diri dalam berkarya. Hal ini demikian kerana karya yang dihasilkan mampu meningkatkan pemikiran khalayak pembaca ke tahap

yang optimum. Oleh itu, lagu *Kau Satu-satu-Nya* nyanyian Ukay's (1992) serta lagu *Takwa dan Iman* nyanyian Ahmad Jais (1979) telah dianalisis. Dalam hal ini, lirik lagu *Kau Satu-satu-Nya* ditulis oleh Habsah Hassan, sementara lagu *Takwa dan Iman* ditulis oleh penyanyinya sendiri. Melalui kedua-dua buah lagu ini, gagasan ketuhanan telah dipaparkan dengan jelas dan memberikan kesan kognitif dalam jiwa pendengar. Gagasan ketuhanan tersebut boleh dilihat dalam lirik lagu *Takwa dan Iman* (Ahmad Jais, 1979):

***Selagi hayat dikandung badan
Jangan sekali dikau lupakan
Perintah Rasul dan perintah Tuhan
Itulah tugas setiap insan
Jika kita melupakan
Perintah Tuhan kau abaikan
Jangan sekali kau harapkan
Bahagia di dunia yang fana***

*Apa erti hidup ini
Jika tiada takwa dan iman*

*Selagi hayat dikandung badan
Berbuat baik sesama insan
Jangan lupakan perintah Tuhan
Fakir dan miskin jangan kau lupakan*

Selagi hayat dikandung badan

Lirik lagu tersebut membawa mesej nasihat kepada khalayak pendengar. Dalam hal ini, penulis lirik menasihatkan pendengar agar meneguhkan prinsip kepatuhan kepada Allah dan Rasul. Penulis juga mengingatkan pendengar, sekiranya manusia mengabaikan Allah dan Rasul-Nya, manusia tersebut tidak akan mendapat kebahagiaan dalam hidup di dunia ini. Penulis menegaskan bahawa tidak ada erti hidup jika manusia tidak berada pada landasan takwa dan iman. Seterusnya, penulis juga menyeru kepada pendengar agar berbuat kebaikan kepada semua insan termasuklah golongan fakir miskin sepanjang hidup di dunia.

Berdasarkan lirik lagu tersebut, aspek pengistikmalan diri oleh penulis lirik telah mengasimilasikan lagu tersebut sejajar dengan kemahuan dan tuntutan pengalaman penulisnya. Melalui rangkap pertama dan kedua, lagu

tersebut memanifestasikan keistimewaan penulisnya dari sudut keislaman. Melalui nilai nasihat yang dikemukakan dalam lirik lagu ini, penulis ini telah memenuhi prinsip teori, yaitu menghasilkan sebuah karya yang sempurna. Kesempurnaan yang dimaksudkan mencakupi nilai akhlak, akidah, syariat sebagaimana yang disinonimkan dengan diri penulis. Oleh itu, kemantapan ilmu Ahmad Jais dalam bidang keagamaan dan juga bidang kesusasteraan telah mencernakan lirik lagu yang mantap sejajar dengan tuntutan dan prasyarat teori takmilah. Seterusnya kemantapan lirik turut diterjemahkan ke dalam lagu *Kau Satu-satu-Nya* karya Habsah Hassan dan dinyanyikan oleh Ukay's (1992):

***Oh... Siapalah diri aku ini
Tanpa-Mu, duniaku pasti tak berseri
Dan hidup tak menjadi***

*Kau bagiku
satu-satunya
Pada-Mu lah ku meminta, ke bermanja
Ku rindui, ku kasihi
Di hatiku, Kau abadi*

*Dalam sinaran kasih-Mu
Kian terancam hidup ku
Tiada lagi keraguan
Kau bagiku kekuatan
Mana jua ku berada
Ditemani cahaya cinta
**Sejak diri-Mu kudekati
Diriku ini, kukenali
Hanya Engkaulah sesungguhnya
Tiada dua***

*Di cermin kaca ku memandang
Diriku serba kekurangan
Namun bagi-Mu bukan itu jadi ukuran
Melengkapi hidup kita
Bukan harta, bukan nama, bukan rup*

Lirik lagu tersebut menyampaikan mesej perakuan seorang hamba terhadap Tuhannya. Melalui lagu ini, penulis menyatakan bahawa tanpa

Tuhan, seluruh hidupnya tidak bermakna. Penulis juga memfokuskan seluruh hidupnya dengan mendekati diri kepada Tuhan setelah menyadari kealpaannya. Penulis juga menyatakan bahawa Tuhan merupakan sumber kekuatan diri dan penyuluh hidupnya. Oleh itu, setelah mengenali Tuhannya, barulah penulis menyadari bahawa Tuhannya merupakan tempat memohon pertolongan. Dalam hal ini, penulis menyerahkan seluruh hidupnya dan hakikat ketuhanan sebagai pelengkap hidup, bukannya harta, rupa dan nama.

Melalui rangkap keempat lagu ini, prinsip pada pengkarya yang harus mengistikmalkan diri (menyempurnakan) dapat dilihat melalui setiap frasa yang dimanifestasikan oleh penulisnya. Dalam hal ini, aspek pengistikmalkan diri oleh pengkarya telah mewujudkan garapan idea pemikiran dalam menghasilkan lirik lagu yang menjurus kepada ketuhanan. Sehubungan dengan itu, pengkarya yang tidak mengistikmalkan diri dengan aspek keislaman, secara saintifiknya tidak akan mampu menghasilkan karya sebegini. Pengistikmalkan diri pengkarya turut dimanifestasikan secara tidak langsung dalam rangkap pertama. Aspek tersebut merupakan satu paradigma yang menyempurnakan karya, seterusnya menyempurnakan pemikiran khalayak pendengar.

Berdasarkan kedua-dua lirik lagu tersebut, dapat dirumuskan bahawa lirik lagu tersebut memenuhi kriteria prinsip teori takmilah, iaitu melalui penulisnya yang mengistikmalkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang keislaman di samping mengistikmalkan diri dengan ilmu sastera sehingga berupaya menghasilkan karya yang signifikan dengan konteks kehidupan semasa. Di samping itu juga, kedua-dua buah lirik lagu ini membawa mesej kecintaan seorang hamba kepada Tuhannya dan penerokaan ke dalam pemikiran khalayak agar kembali kepada Tuhan untuk membina kehidupan yang lebih bermakna. Dalam konteks kesenian, Islam telah menghidupkan pelbagai bentuk seni yang sesuai dengan kemajuan ilmu pengetahuan semasa (Nor Adina et al., 2018).

Prinsip Khalayak Bertujuan untuk Memupuk ke arah Insan “Kamil” (Sempurna)

Prinsip ketujuh teori takmilah menggagaskan hubungan yang signifikan antara khalayak dengan pembaca dan membentuk mereka ke arah insan kamil melalui ketakmilahan karya yang dibaca secara tidak langsung. Dalam hal ini, pengintegrasian khalayak dengan ilmu pengetahuan tentang Islam merupakan satu prasyarat khusus dalam teori takmilah. Pengintegrasian ini adalah untuk membentuk khalayak dan pembaca ke arah penguasaan

ilmu sebagai makhluk hidup dan berfikir. Oleh itu, gagasan pemikiran yang dibawa oleh prinsip ketujuh teori ini merupakan satu jambatan yang menghubungkan antara pengkarya dengan karya yang dihasilkan. Di samping itu, prinsip ini juga menghubungkan khalayak pembaca atau pendengar secara konstruktif.

Berdasarkan prinsip ketujuh teori ini, dua lirik lagu telah diteliti, iaitu lagu *Cinta Melankolia* nyanyian Aan (1993) dan liriknya ditulis oleh Mohd Khair Mohd Yasin, manakala lagu *Bila Waktu T'lah Berakhir* nyanyian Opick (2005) dan liriknya dihasilkan oleh Opick sendiri. Kedua-dua lirik lagu ini mempunyai maksud yang mendalam dan penuh pengertian dari sudut maknanya. Makna yang mendalam ini mencabar pemikiran khalayak secara kognitif dan mengundang mereka untuk terus menghayati serta meneroka erti lirik lagu ini. Situasi ini diliterasikan sebagaimana lirik lagu *Cinta Melankolia* (Aan, 1993):

Tiada terfikir, terlintas
Engkau akan tiba
Membawa perangsang
Tiada terfikir, terlintas
Engkau kan membuka sempadan perasaan

Bunga kembang bertali hati
Bunga kembang di kemuncak akli
Bunga kembang bertali hati
Bunga kembang dikemuncak akli
Duri penjajahan cintamu
Ke atas bumi ragaku
Duri penjajahan cintamu
Di bawah awan setuju
Adalah satu pengalaman

Tiada terfikir, terlintas
Engkau akan tiba membawa harapan
Tiada terfikir, terlintas
Engkau kan membuka sempadan perasaan
Bunga kembang bertali hati
Bunga kembang di kemuncak akli
Bunga kembang bertali hati
Bunga kembang di kemuncak akli
Duri penjajahan cintamu
Ke atas bumi ragaku

*Duri penjajahan cintamu
Di bawah awan setuju
Adalah satu pengalaman*

***Tiada terfikir, terlintas
Engkau kan tiba membawa harapan
Engkaulah yang kini mekar
Dalam diriku yang melankolia
Akulah simpang tersasar
Karam janjiku yang melankolia***

Berdasarkan lirik lagu *Cinta Melankolia*, penulis menyatakan bahawa tidak terjangka dan tidak terbayang hadirnya hidayah daripada Allah SWT untuknya. Hidayah ini menguatkan semangat dan memberikannya peluang untuk berubah. Dalam hal ini, kasih sayang Allah SWT telah membuka mindanya melalui penghayatan yang sangat mendalam. Oleh itu, penulis merasakan bahawa seluruh jiwanya telah tertawan dengan kasih sayang Allah SWT. Seterusnya, penulis juga menyatakan bahawa kasih sayang Allah SWT telah menghidupkan hatinya yang berada dalam kesepian. Natijah daripada kesepian itu telah menyebabkan akalinya terlupa pada janji yang telah dimeterai bersama pencipta-Nya.

Dalam konteks kajian ini, prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna) dalam lagu ini dapat dikenal pasti melalui rangkap pertama lagu. Melalui rangkap pertama, aspek pengintegrasian khalayak dengan ilmu dapat dilihat melalui lirik lagu ini. Hal ini demikian kerana wujud hubungan yang signifikan antara khalayak dengan ilmu melalui lirik lagu yang berfungsi untuk menyedarkan khalayak pendengar. Dalam hal ini, aspek hidayah yang dikomposisikan merupakan anugerah dari Allah kepada sesiapa sahaja yang Allah kehendaki. Melalui lirik yang dibincangkan, unsur keilmuan yang terkandung dalam lagu ini merupakan medium untuk membentuk insan yang Kamil.

Seterusnya lagu *Bila Waktu T'lah Berakhir* nyanyian Opick (2005) juga merupakan citra keindahan dan penyempurnaan yang mendukung unsur ketuhanan secara realistik. Lirik lagu ini menyasarkan aspek konstruktif dari sudut pembangunan insaniah kepada khalayak pendengar di samping merubah pola pemikiran khalayak dari tahap nominal ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, liriksebegini bukan sahaja untuk berhibur semata-mata, namun mempunyai nilai keilmuan yang tinggi dan memantapkan keperibadian penulis lirik secara tidak langsung. Di samping itu, lirik lagu

Bila Waktu T'lah Berakhir (Opick, 2005) sangat dominan dalam kalangan khalayak pendengar secara telus tanpa dipengaruhi oleh sebarang unsur yang bersifat anomali.

***Bagaimana kau merasa bangga
Akan dunia yang sementara
Bagaimanakah bila semua
Hilang dan pergi meninggalkan dirimu***

*Bagaimanakah bila saatnya
Waktu terhenti tak kau sedari
Masihkah ada jalan bagimu
Untuk kembali mengulang ke masa lalu*

***Dunia ...
Dipenuhi dengan hiasan
Semua...
Dan segala yang ada akan kembali pada-Nya
Bila waktu telah memanggil
Teman sejati hanyalah amal
Bila waktu telah terhenti
Teman sejati tinggalah sepi***

Lirik lagu ini mengisahkan tentang makna kehidupan dan kepentingan menghargai setiap spektrum hidup yang dimiliki. Rangkap pertama, menggambarkan tentang kealpaan manusia yang tenggelam dalam kenikmatan hidup di dunia. Dalam hal ini, manusia terbuai dengan kebanggaan dan pencapaian yang diperoleh, namun semua itu tidak berkekalan. Manifestasi pesanan dalam lirik lagu ini mengingatkan kita untuk tidak terlalu leka dengan kepentingan duniawi yang fana tetapi membuat persediaan untuk kehidupan akhirat yang lebih abadi.

Lirik rangkap kedua dan seterusnya membawa pemikiran manusia ke arah pertanyaan yang lebih mendalam, iaitu tentang kematian dan kesedaran tentang keterbatasan hidup manusia. Saat waktu terhenti dan nyawa manusia juga terhenti, manusia tidak lagi memiliki kesempatan untuk mengubah masa lalu. Namun, aspek positif yang tersirat di sini adalah untuk manusia belajar daripada pengalaman dan berusaha melakukan yang terbaik selama masih hidup. Melalui sikap dan tindakan yang positif, manusia dapat mencipta kenangan yang bererti supaya dapat meninggalkan amalan yang terpuji apabila bertemu pencipta kelak. Lagu ini mengingatkan manusia

supaya mencipta kebaikan sebagai jejak untuk dikenang setelah manusia kembali menemui Tuhan.

Sehubungan dengan itu, dalam prinsip ketujuh teori takmilah, aspek keintegritian antara pengkarya, karya dengan khalayak merupakan satu diaspora yang tiada sempadan khusus. Dalam hal ini, wujud hubungan yang signifikan dan saling memerlukan antara ketiga-tiga elemen tersebut terutamanya dalam aspek ilmu kesusasteraan dan keagamaan. Melalui rangkap pertama lagu, aspek peringatan dan pertanyaan dari pengkarya ditujukan khusus kepada khalayak. Hubungan yang signifikan antara khalayak dengan ilmu yang disampaikan melalui lirik yang menekankan aspek dakwah secara tidak langsung dapat dilihat melalui rangkap pertama. Lantaran itu, sisipan ilmu dan nilai kebaikan dalam lirik lagu merupakan satu mekanisme penting dalam membentuk insan Kamil.

Seterusnya, melalui rangkap akhir lirik lagu ini, peringatan dan seruan tentang kematian serta amalan yang bakal dibawa menggambarkan satu korelasi erat antara pengkarya dengan khalayak. Dalam hal ini, pengkarya dan karya yang sarat dengan nilai ilmu berfungsi sebagai medium untuk menyempurnakan minda khalayak. Karya yang sempurna ialah karya yang berupaya membentuk dan menyempurnakan sahsiah khalayak. Situasi ini dapat dilihat melalui lirik lagu *Bila Waktu Berakhir* dan *Cinta Melankolia*. Namun begitu, unsur ketuhanan yang menjadi inti pati dalam lirik lagu ini merupakan faktor utama kelestarian dan ketakmilahannya. Jelas di sini, untuk menghasilkan sesebuah karya, seseorang pengkarya itu mesti mempunyai daya kreatif, dan tanpa kewujudan daya kreatif, sukar bagi seseorang pengkarya untuk menghubungkan karyanya dengan khalayak (A.Wahab Ali, 2000).

KESIMPULAN

Merujuk analisis 12 lirik lagu tersebut, kajian mendapati bahawa kesemua lirik lagu ini menepati prinsip dan konsep teori takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Pengaplikasian teori takmilah dalam kajian ini merupakan satu manifestasi penghormatan terhadap gagasan teori sastera Islam yang menjadi tulang belakang dalam kajian, di samping keupayaan teori tersebut mendukung konsep Islam secara holistik. Dalam hal ini, konsep keislaman yang mendukung unsur ketuhanan merupakan satu acuan yang menentukan hala tuju kajian ini secara komprehensif. Sehubungan dengan itu, unsur ketuhanan yang menjadi inti pati kajian ini

merupakan satu mekanisme penting dari sudut pemahaman istilah kesenian yang sebenar.

Istilah kesenian yang sebenar bertitik tolak daripada hala tuju yang satu, iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan. Dalam aspek ibadah ini, secara tidak langsung istilah seni dan kesenian juga mengekspresikan wacana keimanan, kebenaran, keindahan dan kepimpinan dalam kehidupan manusia di muka bumi ini. Melalui pengaplikasian teori takmilah, mesej ketuhanan yang disampaikan dalam 12 lirik lagu yang dikaji menunjukkan keupayaan teori ini sebagai teori sastera Islam yang dominan di samping berfungsi sebagai peranti penterjemah kepada unsur ketaksan dalam lirik lagu yang dikaji.

Melalui gagasan teori takmilah juga, penekanan terhadap hubungan manusia dengan Allah (*Habl Min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*Habl Min Al-nas*) merupakan satu peneguhan dari sudut spiritual dan akidah. Indikator peneguhan ini merupakan satu asas penting yang menjadi teras dalam pembinaan prinsip teori takmilah. Sehubungan dengan itu, teori takmilah merupakan satu wasilah yang berjaya menonjolkan nilai kebaikan (*al-Khayr*), kebenaran (*al-Haqq*) dan keindahan (*al-Jamal*) dalam lirik lagu yang berunsur ketuhanan sebagaimana yang telah dibincangkan. Dalam konteks ini, lagu yang berunsurkan ketuhanan memperincikan hubungan antara manusia dengan Tuhan. Oleh itu, ketujuh-tujuh prinsip teori takmilah adalah berbeza dari segi sebutan sahaja, iaitu “Kamal”, “Kamil”, “Akmal”, “Takamul” dan “Istikmal”, namun fungsinya terarah kepada aspek yang sama, iaitu mewujudkan karya yang sempurna.

PENGHARGAAN

Pihak pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Faizah Hasan: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penganalisan, penginterpretasian hasil penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir dan penghantaran; Azhar Mohammad: Pengesahan makalah akhir dan pemurnian manuskrip.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. (2000). *Kritikan estetik sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aan. (1979). *Cinta Melankolia* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=Z4b-trVuZ-s&ab_channel=vilirik
- Afghan. (2009). *Pada-Mu ku bersujud* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=JVZteytrEls&ab_channel=wannabmusicprod
- Ahmad Jais. (1979). *Takwa dan iman* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=HIOaSr27Zm0&ab_channel=AzmiAhmad
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad. (2020). Nasyid sebagai wasilah dakwah dalam kalangan masyarakat kontemporari. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 7(2), 94–108. <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/50>
- Al-Fadhir, Norfadzlea Tasha, Nahar & Nora'Azian. (2022). Unsur ketuhanan dalam lirik lagu Dato' M. Nasir: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Language*, 5(2), 124–145.
- Aliaa Wan Mohd Muzani & Nurul Jamilah Rosly. (2021). Bahasa kiasan dalam lirik lagu nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 1–45.
- Azmil Azali. (2021, 26 Jun). Apa kaitan antara sufisme dan lirik lagu Melayu? *The Patriots*. <https://thepatriots.asia>
- MBerita. (2017). Opick nyanyi lagu kerohanian bawa misi kemanusiaan. *MBerita*. <https://berita.mediacorp.sg/hiburan/opick-nyanyi-lagu-kerohanian-bawa-misi-kemanusiaan-285046>
- Cakotiau. (2017, 25 Julai). *Apakah maksud di sebalik lagu "Tanya sama itu hud-hud" dendangan Datuk M. Nasir?*. *Illuminasi.com*.
- D'Lloyd. (1974). *Keagungan Tuhan* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=_OoSDOYJY3E&ab_channel=InsictechMusicland

- Damasutra. (1992). *Sesat dalam rindu* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=4YYCjgk64gk&ab_channel=vilirik
- Damasutra. (1992). *Sufi* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=Xz1UDbo5S_8&ab_channel=vilirik
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Esti Ismawati & Tri Saptarini. (2020). Lirik lagu bertema bunga: Kajian struktur dan makna. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 9(1), <https://journal.ikipgriptk.ac.id/index.php/bahasa/article/view/1850/1278>
- Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong. (2022). Perjuangan hidup Melayu dalam karya M. Nasir. *PENDETA, Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(2). <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.fa.1.20>
- Iqbal Zain al-Jauhari. (2015, Mac 16). *Sufi-Damasutra (Di sebalik lirik-Mengenal cinta)* [Hantaran]. Facebook. <https://www.facebook.com/share/a8uoVugJNeVHGGrFE/?>
- JurnalBiasa. (2021, 26 Dis). *Makna lagu Sandaran Hati: Letto, renungan hamba kepada Tuhan*. Baceday.com
- Kamariah Kamaruddin. (2011). *Takmilah dalam novel Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lautan Biru. (2020, 29 Julai). *Maksud tersirat dalam lirik lagu "Tanya sama itu hud-hud" M. Nasir*. Lautan Biru. <http://lautan-biru.blogspot.com/2020/07/maksud-lagu-tannya-sama-itu-hud-hud-m.html>
- Letto. (2005). *Sandaran hati* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=Du1LbYZsU-8&ab_channel=1106Radio
- M. Nasir. (1994). *Tanya sama itu hud-hud* [Lagu]. Musicxmatch.
- Masitah Mat Daud & Zulkifley Hamid. (2017). Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2). https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2017/04/KC6_34.pdf
- Mohamad A'sim Ismail. (2017, 29 Dis). *Lagu kerohanian medium dakwah semasa*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2017/12/29/lagu-kerohanian-medium-dakwah-semasa/>
- Muhammad Takari Jilin Syahrial. (2013). *Lagu-lagu Melayu sebagai komunikasi lisan*. Researchgate.net. https://www.researchgate.net/publication/257221707_LAGU-LAGU_MELAYU_SEBAGAI_KOMUNIKASI_LISAN
- Nor Adina Abdul Kadir. Nang Naemah Nik Dahlan, & Norsaeidah Jamaludin. (2018). Seni dalam Islam: Kajian terhadap seni ukir. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding E-JITU*, 1(1), 1–15.
- Nurul Natasya Harun, Mohamad Zuber Ismail & Arina Johari. (2021, 9–10 November). *Terapan dakwah dalam lirik lagu dendangan Maher Zain*.

- [Persidangan]. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6 (PASAK 6).
- Oktarina Puspita Wardani. (2019). Aspek leksikal dan gramatikal pada lirik lagu “Nyanyian rindu” Ebiat G Ade. *Jurnal Bahasa, Sastra, Indonesia dan Pengajarannya. Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat Universitas Pancasakti Tegal*. 2. 289–296. 10.24905/sasando.v2i2.77.
- Opick. (2006). *Rapuh* [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=OUDB9-JkJio&ab_channel=FORTERECORDS
- Opick. (2005). *Bila waktu t'lah berakhir*. [Video]. Youtube. https://www.youtube.com/watch?v=eA_y31H3D5k&ab_channel=AquariusMusikind
- Qur'an (Quran.com, Trans.). (2024). Quran.com
- Rosnani Ripin. (2017). *Takmilah novel Seteguh Fikrah Saleha karya Aminah Mokhtar. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*. <https://www.scribd.com/document/571504212/takmilah-1>
- Sabariah Jamaluddin, Noor Hasimah M Yacob, Nor Hawani Wan Abdul Rahman, Lily Mazlifa Mustafa & Anis Barieyah Mat Bahari. (2021). Unsur ketuhanan di dalam lirik lagu. *Journal for Social Sciences, Special Issue KONAKA (Bahasa Melayu)*, 24(03), <https://ir.uitm.edu.my>
- Shafie Abu Bakar. (1997). Estetika dan takmilah. Dlm. Mana Sikana (Ed.). *Pembangunan seni dan sastra*. Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Terra Rossa. (1994). *Kehendak-Nya* [Lagu]. Musicxmatch.
- Ukay's. (1992). *Kau Satu-satu-Nya* [Video]. Youtube.
- Umi Rohiyatul Hidayah. (2022). *Pesan dakwah dalam lirik lagu-lagu religi Wali Band (Album 3 in 1)*. [Tesis]. Tesis Sarjana. Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi, Universiti Islam Negeri Raden Intan Lampung. https://www.youtube.com/watch?v=wc9rQ_Njffio&ab_channel=MuhammadAliff
- Zulieda Azni & Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Representasi sosial dalam lirik lagu Aman R. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3). 1–14. <https://www.semanticscholar.org>